

USIM tuan rumah Sukya NS

KUALA LUMPUR - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), buat julung-julung kalinya akan menjadi tuan rumah dan penganjur bersama Kejohanan Sukan Anak Yatim dan Miskin (Sukya) Peringkat Negeri Sembilan dari 16 hingga 18 Mei 2008.

Kejohanan dwi tahunan ini adalah merupakan anjuran Pertubuhan Anak Yatim dan Miskin Negeri Sembilan (Peyakin) yang bakal mengumpulkan lebih 400 orang atlet dan pegawai.

Kejohanan yang akan berlangsung sepenuhnya di kampus utama USIM di Nilai bagi acara padang dan dewan seperti futsal, bola jaring, bola tampar, ping pong, badminton, serta olahraga yang akan dilangsungkan di Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurut penganjur, kejohanan ini akan menjadi platform bagi memilih atlet kontinjen Negeri Sembilan yang

akan menyertai Kejohanan Sukya Peringkat Kebangsaan Ogos ini di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kejohanan ini telah mendapat sokongan penuh dari pelbagai agensi termasuk Kerajaan Negeri Sembilan yang turut menyalurkan peruntukan bagi menjayakan kejohanan tersebut.

Upacara perasmian perkampungan Sukya dijangka disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hasan Malek, yang juga merupakan Ahli Parlimen Kuala Pilah.

Kepada orang ramai atau mana-mana syarikat korporat yang ingin menghulurkan bantuan dan sumbangan menjayakan kejohanan ini boleh menghubungi Urus setia Kejohanan Sukya di Unit Sukan USIM 06-7988359 atau 09-7988351.